

Daging khinzir tertera label halal?



DAGING khinzir tertera logo halal yang tersebar di laman sosial.

Adnan Ibrahim
am@hmetro.com.my

SEORANG pengguna laman sosial terkejut dengan penyebaran dua gambar bungkusan daging khinzir mempunyai logo halal.

Difahamkan, bungkusan daging khinzir itu dipercayai dijual di sebuah premis atau pasar raya di negeri ini.

Pengguna yang hanya mahu dikenali sebagai Jalal, 45, berkata dia menerima gambar berkenaan melalui satu kumpulan di aplikasi WhatsApp memaparkan dua bungkusan daging dipercayai khinzir dilabelkan dengan logo halal.

Menurutnya, walaupun satu daripada bungkusan daging khinzir itu dikatakan dijual dan dikeluarkan di negara jiran, namun dia tetap khuatir jika ia turut dijual di pasaran negara.

"Soalnya sekarang, pihak mana bertanggungjawab terhadap pengeluaran logo halal dan adakah ia tulen atau palsu? Sekiranya palsu apakah tindakan pihak berkuasa negara ini untuk mengatasinya?

"Apa yang dibimbangkan sekarang adalah jika ia dibeli pengguna yang tidak memahami Bahasa Inggeris sepenuhnya, namun hanya bergantung kepada logo halal tertera di bungkusan daging itu," katanya yang menghubungi Harian Metro untuk membuat aduan berhubungan penyebaran gambar itu.

Bagaimanapun, Jalal menaruh keyakinan bahawa logo halal itu adalah palsu kerana adalah mustahil untuk sesebuah institusi yang bertanggungjawab boleh melabelkan daging khinzir sebagai halal.

Sementara itu, Ketua Pegawai Penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor, Zubir Hamsa, ketika diminta mengulas berhubung gambar itu mengesahkan satu daripada bungkusan daging khinzir ditular dipercayai dijual di pasaran negara jiran, Singapura.

"Hasil semakan terhadap bungkusan bertanda kaki khinzir itu berlaku di Nigeria, bukan di negara ini manakala logo halal tertera di kedua-dua bungkusan di bawah tanggungjawab Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Bagaimanapun, siasatan akan tetap dijalankan sama ada ia berlaku di negara ini atau sekadar tular semata-mata," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Sabtu, 5 Oktober 2019 @ 6:58 PM

